



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



PENGARUH KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL *MIDDLE LEADER TEAM* TERHADAP ORGANISASI PEMBELAJARAN BAGI GURU DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

THE IMPACT OF INSTRUCTIONAL LEADERSHIP OF THE MIDDLE LEADER TEAM ON THE LEARNING ORGANIZATION FOR TEACHERS IN NATIONAL SECONDARY SCHOOLS

Muhd Muzakkir Afiq Musa^{1*}, Ramlee Ismail², Marinah Awang³, Che Noor Hawa Che Ismail⁴

¹ Jabatan Pengurusan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: p20191000581@siswa.upsi.edu.my

² Jabatan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: ramlee@fpe.upsi.edu.my

³ Jabatan Pengurusan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: marinah@fpe.upsi.edu.my

⁴ Pusat Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: hawa_ismail@upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.10.2024

Revised date: 10.11.2024

Accepted date: 12.12.2024

Published date: 24.12.2024

To cite this document:

Musa, M. M. A., Ismail, R., Awang, M., & Ismail, C. N. H. C. (2024). Pengaruh Kepimpinan Instruksional *Middle Leader Team* Terhadap Organisasi Pembelajaran Bagi Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 685-695.

DOI: 10.35631/IJEPC.956041

Abstrak:

Organisasi pembelajaran kini menjadi perhatian pemimpin organisasi menerusi idea pembelajaran berterusan apabila kebanyakan pemimpin organisasi mula mengaplikasikan organisasi pembelajaran dalam pelbagai konteks organisasi. Keperluan organisasi pembelajaran turut menghasilkan suatu tumpuan baharu kepada Middle Leader Team (MLT) di sekolah. Namun MLT masa kini terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu serta cabaran yang lebih kompleks setiap hari dan secara realitinya memaksa MLT untuk memilih dan mengaplikasikan gaya kepimpinan yang paling berkesan serta berimpak tinggi. Oleh itu kajian penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis sama ada kepimpinan instruksional MLT mempengaruhi organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan. Secara umumnya pendekatan metodologi dalam kajian penyelidikan ini melibatkan kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Sejumlah 451 instrumen soal selidik melalui proses penganalisan data menggunakan dua software statistik iaitu Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26.0 dan Analysis of Moment Structures (AMOS) Structural Equation Modeling (SEM) versi 24.0. Analisis regresi yang dilakukan antara kepimpinan instruksional MLT terhadap organisasi pembelajaran adalah berbeza secara signifikan daripada zero pada

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

tahap 0.05 (two-tailed). Oleh itu disebabkan nilai signifikan adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.005$) maka hasil kajian penyelidikan ini merumuskan bahawa kepimpinan instruksional MLT mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran.

Kata Kunci:

Kepimpinan Instruksional, Middle Leader Team, Organisasi Pembelajaran

Abstract:

Learning organizations have gained the attention of organizational leaders through the idea of continuous learning, as many leaders have begun applying the concept of learning organizations in various organizational contexts. The need for learning organizations has also brought new focus to the Middle Leader Team (MLT) in schools. However, today's MLT faces increasingly complex issues and challenges daily, forcing them to select and apply the most effective and impactful leadership styles. Therefore, this research aims to analyze whether MLT instructional leadership influences the learning organization for teachers in national secondary schools. In general, the methodological approach in this study involves quantitative research through a survey method. A total of 451 questionnaire instruments were analyzed using two statistical software packages: Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0 and Analysis of Moment Structures (AMOS) Structural Equation Modeling (SEM) version 24.0. Regression analysis conducted between MLT instructional leadership, and the learning organization showed a significant difference from zero at the 0.05 level (two-tailed). Since the significance value was less than 0.05 ($p < 0.005$), the findings of this research conclude that MLT instructional leadership has a significant direct effect on the learning organization.

Keywords:

Instructional Leadership, Middle Leader Team, Learning Organization

Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia yang pada suatu ketika dahulu bersifat konvensional, kini bergerak dengan pantas ke arah sistem pendidikan yang lebih komprehensif dan dinamik seiring kehadiran Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dalam mempersiapkan kualiti modal insan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2019; 2013). Namun sebagai sebuah negara yang membangun, Malaysia pada hari ini turut berhadapan dengan pelbagai cabaran dan tekanan getir dalam usaha menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti yang diharapkan setanding dengan negara maju. Oleh itu usaha demi usaha telah digembleng sepenuhnya oleh KPM dalam melakukan revolusi terhadap sistem pendidikan sedia ada supaya ia selari dengan perkembangan semasa dan kehendak global, namun tidak menjejaskan nilai asal penubuhan Dasar Pendidikan Kebangsaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Rentetan daripada itu perkhidmatan pendidikan berteraskan 4IR telah diintegrasikan ke dalam perancangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang melibatkan transformasi tiga gelombang. Guru dilatih dan didedahkan dengan pendidikan digital menerusi pengaplikasian pelaksanaan Pengajaran Abad Ke-21 seperti e-RPH, DELIMa 2.0, Sekolah Bestari, *Smart Lab*, *Google Classroom*, *Google Meet* atau *Microsoft Team*, *Google Sites*, penggunaan tablet bagi pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah, dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan amalan organisasi pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia sedang berlangsung dalam keadaan yang amat pantas seiring dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam teknologi pada abad ini. Melalui pembudayaan amalan organisasi pembelajaran di sekolah, seruan Pendidikan 4.0 dalam menyantuni kebangkitan 4IR dilihat mampu melahirkan enam ciri murid yang akan dicapai dalam tempoh 13 tahun sebagaimana yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025 (KPM, 2023; 2013; Aminamul Saidah et al., 2023).

Pembudayaan amalan organisasi pembelajaran dalam sistem pendidikan kini perlu diterapkan dan lebih disuburkan dalam kalangan guru di sekolah. Guru sebagai sumber manusia utama tidak hanya dituntut untuk menjadi penyampai kandungan pembelajaran semata-mata, malah didesak untuk menjadi sumber manusia yang berpengetahuan tinggi (Ramlee & Marinah, 2017; Schleicher, 2012). Guru juga didorong untuk terus meningkatkan pengetahuan profesional mereka bagi memartabatkan lagi profesion keguruan agar operasi sistem pendidikan yang agak ketinggalan ini dapat diperbaharui. Oleh itu dalam memastikan misi ini berjaya dijayakan secara proaktif, pemimpin pendidikan di sekolah yang terdiri daripada pengetua dan barisan pentadbir, guru kanan mata pelajaran, serta ketua panitia harus bersama mengembleng tenaga menjayakannya bersama guru dan pihak berkepentingan.

Tinjauan Literatur

Senge (1990) merupakan antara pengkaji pertama yang memperkenalkan kewujudan organisasi pembelajaran menerusi karya agungnya *The Fifth Discipline: The Art and Practices of The Learning Organization*. Rentetan daripada itu, organisasi pembelajaran mula menjadi perhatian kebanyakan pemimpin organisasi menerusi idea pembelajaran berterusan. Idea ini telah menimbulkan satu fenomena baru dalam bidang pengurusan apabila kebanyakan pemimpin organisasi mula mengaplikasikan organisasi pembelajaran dalam pelbagai konteks organisasi. Perkembangan organisasi pembelajaran pada peringkat awal tahun 1990an telah membawa kepada perkembangan lebih banyak dimensi organisasi pembelajaran yang lebih dinamik dan menyeluruh (Rosnah, 2020). Namun kebanyakan tinjauan literatur awal berkaitan dengan organisasi pembelajaran lebih tertumpu kepada organisasi yang berasaskan perniagaan atau korporat (Rosnah et al., 2014; Jamal Nordin, 2009).

Istilah organisasi pembelajaran yang diperkenalkan oleh Senge (1990) pada awal tahun 1990an ialah sekumpulan manusia dalam organisasi berusaha memperkembangkan kapasiti bagi mendapatkan keputusan yang diinginkan; perkembangan corak pemikiran yang disemai; aspirasi kolektif adalah bebas; dan anggotanya selalu belajar untuk belajar bersama. Selepas itu, organisasi pembelajaran mula mendapat perhatian dan definisi yang pelbagai daripada setiap pengkaji, berdasarkan kepada konteks kajian penyelidikan yang dijalankan. Perkembangan ini seterusnya telah membawa kepada pengenalan organisasi pembelajaran dalam konteks organisasi pendidikan. Konsep ini mula mendapat tumpuan dan perhatian serius oleh organisasi pendidikan sekitar penghujung tahun 1990an (Rosnah et al., 2014).

Bagi memastikan amalan organisasi pendidikan berjalan sebagaimana yang dihasratkan, ia juga perlu didorong dan disokong melalui aspek kualiti kepimpinan pemimpin pendidikan. Justeru KPM telah melancarkan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) bermula pada tahun 2017 yang berteraskan kepada dua elemen utama iaitu meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti melalui pengaplikasian amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah (KPM, 2019). Menarik perhatian umum, pengupayaan pemimpin pertengahan turut diberi tumpuan dalam TS25 memandangkan peranan dan akauntabiliti yang dimainkan oleh pemimpin pendidikan ini merupakan sebahagian daripada tonggak utama dalam kemenjadian murid dan sekolah berkualiti (Sukor, 2022; KPM, 2023; 2019; 2017; Abd Razak, 2017).

Peranan dan akauntabiliti yang dimainkan oleh *Middle Leader Team* (MLT) selaku pemimpin pertengahan di institusi pendidikan KPM mula diberi tumpuan serius menerusi TS25 dalam memperkasa budaya kepimpinan rakan setugas bagi pembangunan kecemerlangan profesional guru di sekolah. MLT perlu melaksanakan personel bimbingan dan pementoran secara langsung, yang berfokus kepada kepimpinan instruksional kepada guru di sekolah (KPM, 2017) bertujuan untuk memaksimumkan potensi guru dalam memupuk budaya kecemerlangan profesional keteladanan rakan setugas, MLT dan guru saling membimbing, perkongsian amalan terbaik, dan memastikan guru di sekolah mempunyai kebertanggungjawaban dalam memenuhi standard profesional yang ditetapkan (KPM, 2019; 2017; Ramlee & Marinah, 2017).

Oleh yang demikian, tujuan utama kajian penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengukur pengaruh kepimpinan instruksional MLT terhadap organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan. Berdasarkan kepada tujuan kajian, kajian penyelidikan ini dijalankan berpanduan kepada objektif kajian, persoalan kajian, dan hipotesis kajian yang dibangunkan. Secara khususnya, objektif kajian, persoalan kajian, dan hipotesis kajian adalah seperti yang berikut :

Objektif kajian : Menganalisis sama ada kepimpinan instruksional MLT mempengaruhi organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan.

Persoalan kajian : Adakah kepimpinan instruksional MLT mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan?

Hipotesis kajian : H¹ Kepimpinan instruksional MLT mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan.

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual kajian yang dibangunkan dalam konteks kajian penyelidikan ini diadaptasi daripada gabungan model kepimpinan instruksional yang diasaskan oleh Hallinger dan Murphy (1985) dan model organisasi pembelajaran oleh Senge (2006; 1990). Model kepimpinan instruksional (Hallinger & Murphy, 1985) berperanan sebagai pemboleh ubah bebas berdasarkan kepada konstruk eksogenus dan diukur menggunakan tiga dimensi iaitu mendefinisi misi; mengurus program instruksional; dan membentuk iklim pengajaran dan pembelajaran manakala model organisasi pembelajaran (Senge, 2006; 1990) pula berperanan sebagai pemboleh ubah bersandar berdasarkan kepada konstruk endogenus dan diukur menggunakan lima dimensi iaitu perkongsian wawasan; model mental; kecekapan sendiri; pemikiran sistem; dan pembelajaran berpasukan. Kerangka konseptual kajian ditunjukkan sebagaimana di dalam Rajah 1.



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Secara umumnya pendekatan metodologi dan strategi dalam kajian penyelidikan ini melibatkan kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Penggunaan instrumen soal selidik sebagai alat pengukur menurut Creswell dan Guetterman (2020); Creswell dan Creswell (2018) dilihat sangat praktikal dan paling sesuai digunakan dalam kajian penyelidikan bagi populasi bersaiz besar seumpama ini kerana ia dapat memberi gambaran menyeluruh daripada saiz sampel terutamanya melibatkan bilangan responden yang ramai serta melibatkan kos yang tinggi memandangkan jarak yang jauh antara satu sama lain. Selain itu kelebihan penggunaan instrumen soal selidik adalah kerana ia mudah ditadbir, diproses, dianalisis, dan maklumat dapat dipungut secara terus daripada responden dalam jangka masa yang singkat (Jackson, 2015).

Populasi dan Pensampelan

Kajian penyelidikan ini hanya melibatkan guru yang bertugas di sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia sahaja dengan memberi tumpuan kepada sekolah yang terletak di bandar dan luar bandar sebagai populasi kajian. Pengkaji memilih negeri di semenanjung Malaysia sahaja sebagai populasi untuk menjalankan kajian penyelidikan ini memandangkan senario sekolah adalah lebih kurang sama bagi setiap negeri di seluruh Malaysia. Sementara itu jumlah keseluruhan saiz sampel yang terlibat bagi menjalankan kajian penyelidikan ini ditentukan melalui kaedah penentuan saiz sampel menggunakan jadual dan telah merujuk kepada Krejcie dan Morgan (1970). Oleh itu dengan menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970) jumlah keseluruhan saiz sampel yang diperlukan bagi populasi seramai N = 416,743 ialah sebanyak 384 orang. Seterusnya jumlah keseluruhan saiz sampel pula ditentukan melalui pensampelan rawak berstrata untuk memastikan saiz sampel yang dipilih menjadi responden menepati kehendak kajian penyelidikan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang dibangunkan di dalam kajian ini diadaptasi dengan menggabungkan instrumen soal selidik sedia ada daripada instrumen soal selidik *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS) yang dibangunkan oleh Hallinger dan Murphy (1985) dan instrumen soal selidik *Middle School Teacher Survey* (MSTS) yang dibangunkan oleh Senge (2006;1990). Dari aspek skala pengukuran instrumen soal selidik penggunaan skala likert (*interval*) digunakan bagi mengukur nilai perbezaan pandangan bagi setiap item yang mewakili konstruksi yang digunakan dalam kalangan responden seperti yang disarankan oleh Bougie dan Sekaran (2019) kerana ia lebih mudah dibentuk dan ditadbir. Oleh yang demikian pengkaji akan menggunakan skala 10 mata bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan berbanding menggunakan skala lima mata (Cohen et al., 2018) disamping memastikan maklum balas yang diberikan oleh responden lebih tepat dan jelas bagi setiap item yang dijawab (Zainuddin Awang, 2019).

Penganalisisan Data

Kaedah penganalisisan data dalam kajian penyelidikan ini menggunakan dua *software* statistik iaitu *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 dan *software Analysis of Moment Structures* (AMOS) *Structural Equation Modeling* (SEM) versi 24.0 bagi memastikan semua data dianalisis secara komprehensif.

Dapatan Kajian

Penyediaan Data

Sejumlah 451 instrumen soal selidik telah dikembalikan semula oleh responden. Setiap instrumen soal selidik yang dikembalikan dikodkan mengikut bilangan responden bagi memudahkan prosedur kemasukan dan penganalisisan data dilakukan. Proses penilaian dan rawatan dilakukan ke atas instrumen soal selidik yang tidak dijawab oleh responden, data yang hilang, serta mengenal pasti *outliers*.

Ciri Demografi

Majoriti responden yang bersetuju menjawab instrumen soal selidik ini ialah terdiri daripada guru perempuan, iaitu seramai 332 orang mewakili 73.6 peratus daripada keseluruhan responden dan selebihnya, iaitu seramai 119 orang guru lelaki dengan mewakili 26.4 peratus. Seterusnya daripada segi pengalaman mengajar di sekolah semasa, majoriti responden adalah dalam julat tahun 21 tahun dan ke atas, iaitu seramai 155 orang mewakili 34.4 peratus daripada keseluruhan responden. Kumpulan kedua tertinggi ialah responden dalam julat tahun 11 hingga 15 tahun iaitu seramai 98 orang mewakili 21.7 peratus, diikuti kumpulan ketiga tertinggi ialah responden dalam julat tahun 6 hingga 10 tahun iaitu seramai 75 orang mewakili 16.6 peratus. Kumpulan keempat tertinggi ialah responden dalam julat tahun 1 hingga 5 tahun iaitu seramai 64 orang mewakili 14.2 peratus, dan kumpulan terendah ialah responden dalam julat tahun 16 hingga 20 tahun iaitu seramai 59 orang mewakili 13.1 peratus daripada keseluruhan responden.

Seterusnya majoriti responden yang menjawab instrumen soal selidik ini ialah terdiri daripada guru akademik biasa di sekolah iaitu seramai 252 orang mewakili 55.9 peratus daripada keseluruhan responden dan selebihnya seramai 199 orang pula terdiri daripada guru yang memegang jawatan sebagai ketua panitia di sekolah dengan mewakili 44.1 peratus. Apabila dilihat daripada jenis sekolah mengikut kategori bandar dan luar bandar, bilangan responden yang menjawab instrumen soal selidik ini dikira seimbang memandangkan kaedah pensampelan yang dilakukan sebelum pengedaran instrumen soal selidik. Seramai 226 orang mewakili 50.1 peratus terdiri daripada guru yang berkhidmat di jenis sekolah bandar manakala seramai 225 orang mewakili 49.9 peratus terdiri daripada guru yang berkhidmat di jenis sekolah luar bandar. Rumusan keseluruhan berkenaan dengan ciri-ciri demografi responden ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Ciri-Ciri Demografi Responden

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	119	26.4
	Perempuan	332	73.6
Pengalaman Mengajar di Sekolah Semasa	1 - 5 tahun	64	14.2
	6 - 10 tahun	75	16.6
	11 - 15 tahun	98	21.7
	16 - 20 tahun	59	13.1
	21 tahun dan ke atas	155	34.4

Jawatan	Ketua Panitia	199	44.1
	Guru Akademik Biasa	252	55.9
Jenis Sekolah	Bandar	226	50.1
	Luar Bandar	225	49.9

Penilaian Model Pengukuran Berstruktur (Structural Model) SEM Model Kepimpinan Instruksional MLT Dan Model Organisasi Pembelajaran

Berdasarkan kepada hasil penelitian mendapati nilai pekali laluan piawai (R^2) (*standardised path coefficients*) menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional MLT mempengaruhi organisasi pembelajaran sebanyak 84 peratus. Perincian nilai pekali laluan piawai (R^2) (*standardised path coefficients*) diterangkan sebagaimana dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Nilai Pekali Laluan Piawai (R^2) (Standardised Path Coefficients) Dan Implikasinya Dalam Kajian Penyelidikan

Konstruksi Endogenus	R^2	Kesimpulan
Organisasi pembelajaran	0.84	Kepimpinan instruksional MLT menyumbang sebanyak 84 peratus ke atas organisasi pembelajaran

Seterusnya hasil teks output dijana menunjukkan nilai pekali laluan regresi (β) (*regression weight estimate*) daripada model pengukuran berstruktur (*structural model*) SEM dalam model kepimpinan instruksional MLT dan model organisasi pembelajaran. Hasil daripada dapatan kajian mendapati peningkatan kepimpinan instruksional MLT sebanyak satu unit akan meningkatkan 0.44 organisasi pembelajaran. Oleh yang demikian persamaan analisis regresi yang dapat dicapai daripada analisis data ini adalah: organisasi pembelajaran = 0.44 (kepimpinan instruksional MLT). Persamaan analisis regresi ini menunjukkan bahawa nilai peningkatan satu unit organisasi pembelajaran disumbangkan oleh 0.44 kepimpinan instruksional MLT. Perincian analisis regresi ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Analisis Regresi

Pemboleh ubah Exogenous	Pemboleh ubah Endogenous	Nilai Beta (β)	Penerangan
Kepimpinan instruksional MLT	Organisasi pembelajaran	0.44	Apabila kepimpinan instruksional MLT bertambah sebanyak satu unit, organisasi pembelajaran akan meningkat sebanyak 0.44

Seterusnya analisis regresi daripada model pengukuran berstruktur (*structural model*) SEM dalam model kepimpinan instruksional MLT dan model organisasi pembelajaran berdasarkan kepada nilai pekali laluan regresi (β) (*regression weight estimate*) dan nilai signifikannya digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang dibangunkan sama ada hipotesis kajian awal disokong atau ditolak. Oleh itu perincian analisis regresi dan nilai signifikannya ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 4.

Jadual 4 : Analisis Regresi Dan Nilai Signifikannya

			Nilai Beta (β)	Standar Error	Nilai Kritikal	p ($p < 0.05$)	Keputusan
Organisasi pembelajaran	<-- -	Kepimpinan instruksional MLT	0.435	0.044	9.779	0.000	Signifikan

Analisis regresi antara kepemimpinan instruksional MLT terhadap organisasi pembelajaran menunjukkan bahawa apabila nilai kepemimpinan instruksional MLT meningkat sebanyak satu unit, organisasi pembelajaran akan meningkat sebanyak 0.435. Anggaran nilai pekali laluan regresi (β) (*regression weight estimate*) kepemimpinan instruksional MLT terhadap organisasi pembelajaran memberikan nilai beta sebanyak 0.435 dan nilai ralat piawai pada 0.044. Apabila anggaran nilai pekali laluan regresi (β) (*regression weight estimate*) dibahagi dengan anggaran nilai ralat piawai iaitu $Z = 0.435 / 0.044$, ia bersamaan dengan 9.779 iaitu anggaran nilai kritikal. Maka kebarangkalian untuk mendapatkan nilai $Z = 9.779$ dalam nilai mutlak (*absolute*) adalah pada 0.000. Dalam erti kata lain, analisis regresi kepemimpinan instruksional MLT apabila meramal organisasi pembelajaran adalah berbeza secara signifikan daripada zero pada tahap 0.05 (*two-tailed*).

Oleh itu disebabkan nilai signifikan adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$), maka hipotesis kajian awal (H^1): “Kepimpinan instruksional MLT mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan” ini disokong sepenuhnya. Hasil kajian penyelidikan ini merumuskan bahawa kepemimpinan instruksional MLT mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran. Rumusan dapatan hipotesis kajian (H^1) ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 5.

Jadual 5 : Dapatan Hipotesis Kajian (H^1)

	Hipotesis Kajian Awal	Dapatan Kajian ($p < 0.05$)	Keputusan
H^1	Kepimpinan instruksional MLT mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan	0.000	Disokong

Rumusan

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa hipotesis kajian (H^1) yang dibangunkan melalui persoalan kajian telah dijawab dalam kajian penyelidikan ini. Hipotesis kajian (H^1) iaitu kepemimpinan instruksional MLT mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan telah dibincangkan secara menyeluruh dalam dapatan kajian. Rumusan hipotesis kajian (H^1) dan dapatan kajian sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 6.

Jadual 6 : Rumusan Hipotesis Kajian (H¹) Dan Dapatan Kajian

	Hipotesis Kajian Awal	Dapatan Kajian	Keputusan
H ¹	Kepimpinan instruksional MLT mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan	Kepimpinan instruksional MLT mempengaruhi organisasi pembelajaran bagi guru di sekolah menengah kebangsaan secara signifikan	Disokong

Kajian penyelidikan ini juga telah membuktikan secara empirikal bahawa sekolah akan berperanan sebagai sebuah organisasi pembelajaran sekiranya pemimpin pendidikan memilih untuk mengamalkan stail kepimpinan instruksional terutamanya di sekolah yang bersifat kompleks (Lim & Gurcharan Singh, 2020; Lim, 2017; 2016). Gabungan kedua-dua model ini bagi membangunkan kerangka konseptual kajian dalam konteks kajian penyelidikan ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada dapatan kajian empirikal bagi kepimpinan instruksional MLT dalam konteks pemimpin pertengahan di Malaysia. Penggunaan kepada model kepimpinan instruksional yang diasaskan oleh Hallinger dan Murphy (1985) dapat dibuktikan secara empirikal mampu memimpin sekolah sebagai sebuah organisasi pembelajaran yang berkesan.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Ramlee Ismail selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dr. Marinah Awang selaku penyelia bersama di atas bimbingan, nasihat, dorongan, serta tunjuk ajar yang diberikan sepanjang proses penyediaan kajian penyelidikan ini dilaksanakan. Tanpa sokongan daripada penyelia utama dan penyelia bersama, sukar bagi saya untuk mencapai dapatan kajian yang memuaskan dalam kajian penyelidikan ini. Juga jutaan terima kasih diucapkan kepada Che Noor Hawa Che Ismail serta ahli keluarga yang turut membantu secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan kajian penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menyiapkan dan melaksanakan kajian penyelidikan ini untuk diterbitkan. Penghargaan khusus juga diberikan kepada pihak International Journal of Education, Psychology, And Counselling (IJEPC) serta para penilai kerana menerima kajian penyelidikan ini untuk diterbitkan. Setiap sumbangan yang diberikan sama ada kecil atau besar, amat berharga dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Rujukan

- Abd Razak Manaf. (2017). Pembinaan dan pengesahsahihan model kompetensi guru penolong kanan pentadbiran dan akademik sekolah menengah Malaysia. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aminamul Saidah Mad Nordin, Bity Salwana Alias, & Zamri Mahamod. (2023). Pendigitalan pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia*, 1(1), 66-73.
- Bougie, R., & Sekaran, U. (2019). *Research methods for business: A skill-building approach* (8th ed.). United States: John Wiley & Sons.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research methods in education* (8th ed.). New York: Routledge.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publication, Inc.
- Creswell, J. W., & Guetterman, T. C. (2020). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (6th ed.). London, UK: Pearson.

- Hallinger, P., & Murphy, J. (1985). Assessing the instructional management behavior of principals. *The Elementary School Journal*, 86(2), 217-247.
<https://doi.org/10.1086/461445>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Sustainable development goals (SDG) indicators Malaysia. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jackson, S. L. (2015). *Research methods and statistics: A critical thinking approach* (5th ed.). Boston, US: Cengage Learning.
- Jamal @ Nordin Yunus. (2009). Hubungan antara kepemimpinan transformasi dan budaya organisasi dengan organisasi pembelajaran di sekolah harapan negara kategori sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan luar bandar. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Laporan tahunan 2022 pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Panduan pengurusan program transformasi daerah (3rd ed.). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Terma rujukan dan pengurusan pelaksanaan program transformasi sekolah 2025 (TS25). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
doi.org/10.1177/001316447003000308
- Lim, S. H. (2016). Amalan kepemimpinan instruksional, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran di sekolah berprestasi tinggi Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 30(2), 1-19.
- Lim, S. H. (2017). Hubungan kepemimpinan instruksional, budaya organisasi dan organisasi pembelajaran di sekolah berprestasi tinggi di Malaysia. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lim, S. H., & Gurcharan Singh. (2020). The influence of instructional leadership on learning organisation at high performing primary schools in Malaysia. *Asian Journal of University Education*, 16(2), 69-76.
<https://doi.org/10.24191/ajue.v16i2.10298>
- Ramlee Ismail, & Marinah Awang. (2017). Quality of Malaysian teachers based on education and training: A benefit and earnings returns analysis using human capital theory. *Quality Assurance in Education*, 25(3), 303-316.
<https://doi.org/10.1108/QAE-06-2016-0032>
- Rosnah Ishak. (2020). Amalan terbaik organisasi pembelajaran di sekolah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Ishak, Muhammad Faizal A Ghani, & Saedah Siraj. (2014). Amalan kepemimpinan organisasi pembelajaran di sekolah berprestasi tinggi Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(2), 1-12.
- Schleicher, A. (2012). *Preparing teachers and developing school leaders for the 21st century: Lessons from around the world*. Paris, France: OECD Publishing.
<https://doi.org/10.1787/9789264174559-en>
- Senge, P. M. (1990). *The fifth discipline: The art and practice of the learning organization* (1st ed.). New York: Bantam Doubleday Dell Publishing Group, Inc.

- Senge, P. M. (2006). *The fifth discipline: The art and practice of the learning organization* (2nd ed.). New York: Bantam Doubleday Dell Publishing Group, Inc.
- Sukor Beram. (2022). *Pembangunan model kompetensi POPSS bagi pemimpin pertengahan kolej matrikulasi kementerian pendidikan Malaysia*. Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zainuddin Awang. (2019). *Research methodology and data analysis* (7th ed.). Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.